

## HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK

Sila baca Helaiian Pendedahan Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk mengambil Akaun Semasa Komoditi Murabahah (CM CA). Pastikan juga anda membaca Terma dan Syarat yang Mentadbir Akaun Deposit bagi Perbankan Islam.

**MAYBANK ISLAMIC BERHAD  
AKAUN SEMASA KOMODITI  
MURABAHAH  
12 MAC 2025**

### 1. Apakah produk ini?

Akaun Semasa Komoditi Murabahah (CM CA) adalah akaun semasa yang berdasarkan pada konsep Syariah Komoditi Murabahah. Akaun semasa merujuk kepada produk deposit dengan kemudahan cek (kecuali Maybank Global Access Account-i). Komoditi yang terlibat dalam transaksi Komoditi Murabahah ini mampu diserahkan secara fizikal dan semua kos yang berkaitan dengan penyerahan fizikal komoditi akan ditanggung oleh pelanggan. CM CA dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit.

Produk deposit berikut dikategorikan di bawah CM CA:

1. Basic Current Account-i
2. Current Account-i
3. SME First Account-i
4. Maybank Global Access Account-i

### 2. Apakah konsep Syariah yang digunakan?

Konsep Syariah yang digunakan untuk produk ini ialah Komoditi Murabahah, di mana suatu aset tertentu yang dianggap sesuai oleh Bank akan dikenal pasti dan digunakan sebagai aset asas untuk transaksi jual beli antara pihak Bank dan Pelanggan. Untuk tujuan perdagangan Komoditi Murabahah, Bank hendaklah pada setiap masa menjadi ejen bukan eksklusif anda untuk menjalankan transaksi Komoditi Murabahah yang diperlukan berkaitan dengan penempatan.

Qard: Kontrak pinjaman di mana Bank akan memberi pinjaman wang kepada anda atas dasar pinjaman untuk lebih sementara, di mana anda terikat untuk membayar balik jumlah yang setara atas permintaan kami.

### 3. Apa yang saya dapat daripada produk ini?

| Produk Deposit     | Basic Current Account-i (BCA-i)   | Current Account-i (CA-i)                     | SME First Account-i   | Maybank Global Access Account-i (GAA-i)                      |
|--------------------|---|--|---|--|
| Deposit Permulaan  | Individu dan Bukan individu (SME): RM500  | Individu: RM1,000<br>Bukan Individu: RM2,000 | Bukan Individu: RM1,000 <ul style="list-style-type: none"> <li>• SME</li> <li>• Kelab, Pertubuhan dan Persatuan</li> <li>• Syarikat dengan Nombor Pendaftaran Perniagaan sehingga 12 digit</li> </ul> | Individu warganegara Malaysia berumur 18 tahun ke atas: RM50 |
| Pencadang          | Ya, hanya untuk BCA-i Individu sahaja.<br><br>BCA-i untuk SME tidak diperlukan. | Ya, termasuk semua jenis akaun.              | Tidak diperlukan untuk Sdn Bhd.   | Tidak diperlukan   |
| Buku Cek           | Ya  | Ya   | Ya  | Tidak  |
| Kemudahan Cashline | Tidak berkenaan   | Ya, tertakluk kepada penilaian kredit.       | Ya, tertakluk kepada penilaian kredit   | Tidak berkenaan  |
| Penyata Akaun      | Penyata bulanan   | Penyata bulanan                              | Penyata bulanan   | E-penyata bulanan  |

### 4. Apakah terma dan syarat utama lain produk ini yang perlu saya ketahui?

- Satu penyata akaun tahunan baru yang mengandungi semua maklumat yang berkaitan dengan harga jualan CM, kadar, jumlah rebat dan lain-lain akan diperkenalkan dan dihasilkan kepada pelanggan mulai Januari 2022.
- Untuk CM CA, pelanggan bersetuju memberi rebat penuh kepada Bank dari keuntungan yang diperolehi dari transaksi CM.
- Memandangkan GAA-i adalah akaun berbilang mata wang, sila rujuk Notis Dasar Pertukaran Asing dan terma dan syarat kad debit berbilang mata wang yang terdapat di [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my).

**5. Apakah yuran dan caj yang perlu saya bayar?**

- Tiada yuran akan dikenakan ke atas pengeluaran buku cek kecuali Duti Setem bernilai RM15.
- Caj perkhidmatan setengah tahun sebanyak RM10 dikenakan jika baki purata 6 bulan adalah kurang daripada RM1,000 (tidak terpakai untuk GAA-i).
- Penggantian kad Debit adalah RM12.
- Pengeluaran tunai di ATM melalui MEPs adalah RM1 setiap transaksi.
- Pengeluaran tunai di ATM luar negara adalah RM12 setiap transaksi.
- Sebarang penutupan awal akaun dalam tempoh 3 bulan pembukaan akaun akan dikenakan bayaran fi RM20.

Sila rujuk kepada [www.maybank2u.com.my](http://www.maybank2u.com.my) untuk fi dan caj perbankan lain.

**6. Apakah risiko yang terlibat?**

Tiada keuntungan yang akan diperolehi dan keuntungan hasil dari transaksi Komoditi Murabahah diberi sepenuhnya kepada Bank.

**7. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada maklumat perhubungan saya?**

Adalah penting bagi anda untuk memaklumkan kepada kami tentang sebarang perubahan dalam maklumat perhubungan anda untuk memastikan bahawa semua surat-menyurat sampai kepada anda dalam tempoh sewajarnya.

**8. Di manakah boleh saya dapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengenai produk, sila rujuk brosur produk, yang boleh didapati di semua cawangan dan laman web kami. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di:

Maybank Group Customer Care,  
Lot 12, Jalan Astaka U8/84,  
Section U8, Bukit Jelutong,  
40150 Shah Alam,  
Selangor.

Tel : 1-300-88-6688/03-78443696  
E-mel : [mgcc@maybank.com.my](mailto:mgcc@maybank.com.my)

**9. Produk Deposit Komoditi Murabahah Lain Yang Tersedia**

Akaun Simpanan Komoditi Murabahah  
Islamic Fixed Deposit-i  
Prosperous Now! Account-i

Maklumat yang terdapat dalam helaian pendedahan produk ini adalah sah pada 12 Mac 2025.